07 JUL 2001
Mahathir-Evolusi
BN JADI SEBUAH PARTI MELALUI PROSES EVOLUSI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata hasrat menjadikan Barisan Nasional (BN) sebuah parti dan bukannya gabungan parti-parti perlu dilaksanakan melalui proses evolusi dan bukannya revolusi.

Perdana Menteri berkata ia tidak boleh dilakukan secara paksa tanpa mengambil kira perasaan satu parti terhadap parti yang lain.

"Kita tidak perlu terburu-buru. Ia adalah proses evolusi. Ia bergantung kepada anggota tentang perasaan mereka terhadap satu sama lain. Kita tidak boleh paksa kepantasannya.

"Kita percaya kepada proses beransur-ansur, bukannya revolusi dan memaksa orang menerima apa yang mereka belum sedia untuk menerimanya," katanya pada sidang media pada akhir konvensyen BN, di sini.

Beliau diminta mengulas aspirasi BN untuk menjadi sebuah parti dan bukannya gabungan parti seperti sekarang, yang dinyatakannya ketika menyampaikan ucaptama pada pembukaan konvensyen itu pagi tadi.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, berkata konvensyen itu menampakkan semangat perpaduan bangsa Malaysia yang masih kukuh antara parti-parti komponen BN dengan semua pihak menekankan betapa pentingnya BN merapatkan barisan serta bekerjasama dengan lebih erat lagi.

"Saya dapati bahawa konvesyen ini berjalan dengan baik dan terdapat semangat bangsa nasional yang nyata sekali. Nampak jelas semangat BN masih kuat dan kukuh dalam hati tiap-tiap seorang pemimpin dan anggota BN," katanya.

Beliau berkata BN akan mengadakan perjumpaan lebih kerap untuk menggerakkan jenteranya secara lebih agresif di semua peringkat cawangan dan bahagian.

"Di masa yang sama kita perlu mengadakan sekretariat yang lebih cergas dan pusat untuk mendapatkan maklumat berkenaan BN," katanya.

Dr Mahathir berkata sekiranya semangat perpaduan antara komponen BN dikekalkan seperti itu, gabungan parti itu akan terus maju dan boleh terus menguasai kerajaan di masa depan.

Perdana Menteri juga berharap pembentukan bangsa Malaysia dapat direalisasikan kerana kini sudahpun terdapat komitmen yang lebih kuat mengenainya di kalangan parti komponen BN.

"Ini bukan soal rundingan tetapi soal memupuk semangat cinta kepada negara sendiri dan menganggap penduduk Malaysia adalah sebangsa. Keturunan berlainan tidak menjadi soal," kata beliau.

Dr Mahathir turut ditanya sama ada perlu ditubuhkan sebuah jawatankuasa perunding seperti yang disarankan beberapa pemimpin parti komponen untuk menyelesaikan masalah hubungan kaum.

Beliau berkata: "Kita anggap BN sendiri adalah satu jentera yang boleh menyelesaikan masalah antara kaum tetapi kalau ada keperluan untuk bentuk satu badan asing itu, kita boleh timbanglah."

-- BERNAMA

ZAI RV NM MAM NAK